

# 'Bahasa Malaysia untuk semua'

BH - 5/6/2007

## Kabinet tukar istilah bahasa Melayu bagi semai rasa kekitaan di kalangan rakyat: Najib

Oleh Saufi Hamzah dan Norliza Wasilan

**K**UALA LUMPUR: Kabinet membuat keputusan menukar istilah bahasa Melayu kepada bahasa Malaysia bagi menunjukkan bahasa itu milik semua kaum, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, kerajaan sedar Bahasa Kebangsaan merujuk bahasa Melayu, tetapi mahu menjadikannya sebagai bahasa untuk semua rakyat tanpa mengira keturunan dan kumpulan etnik.

"Kita tak nak perkara ini jadi satu polemik yang besar, tapi pandangan kita ialah supaya Bahasa Kebangsaan jadi milik semua.

"Kalau kita anggap ia sebagai bahasa Malaysia, bahasa itulah milik kita semua. Itu rasionalnya... untuk tujuan perpaduan, penggunaan, in-

**"Kalau kita anggap ia bahasa Malaysia, bahasa itulah milik kita semua. Itu rasionalnya... untuk tujuan perpaduan, penggunaan, integriti dan bersatu hati"**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

tegriti dan bersatu hati," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Pelancongan Sedunia di sini, semalam.

Najib menjelaskan demikian ketika mengulas laporan berhubung keputusan Kabinet menggunakan semula bahasa Malaysia sebagai istilah rasmi bagi merujuk bahasa kebangsaan.

Kelmarin, Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin dilaporkan berkata, ketika keputusan itu dibuat secara sebulat suara April lalu, Kabinet merasakan bahawa pertukaran istilah itu dapat membantu menyemai rasa kekitaan di kalangan semua rakyat tanpa mengira kaum.

Berikutan itu, semua menteri, universiti awam dan institusi pengajian tinggi tempatan diarah memaklumkan kepada jabatan dan agensi berkaitan untuk mula menggunakan serta merta istilah bahasa Malaysia dalam semua surat, notis dan dokumen.

Istilah Bahasa Malaysia diperkenalkan Allahyarham Tunku Abdul Rahman selepas negara mencapai kemerdekaan bagi mencerminkan identiti Malaysia.

Zainuddin berkata, istilah itu diterima secara umum dan tiada siapa yang bertanya untuk menukarnya sehingga Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pendidikan pada 1986.

Sementara itu, Datuk Dr Hassan Ahmad dalam ruangan Bicara Karyawan baru-baru ini berkata, Bahasa Malaysia dianggap sebagai istilah yang 'neutral' atau 'bebas etnik'.

"Namun begitu, bahasa Malaysia



**RAMAH MESRA:** Najib bersama Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (kanan) beramah mesra bersama perwakilan dari Nepal; Prithvi Subba Gurung sambil diperhatikan dari kiri, Ntsinyi Leohang (Lesotho), MJ Soe Naing (Myanmar) dan Bently Samuel (Kepulauan Solomon) selepas merasmikan Persidangan Pelancongan Sedunia di Hotel Shangri-La, semalam.

tidak semestinya menunjukkan ia bahasa Melayu. Semua bahasa di Malaysia - bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Kadazan, bahasa Iban, dan lain-lain lagi - dapat dianggap sebagai bahasa Malaysia, selain bahasa Melayu.

"Hal yang lebih penting ialah, hakikat genetik bahasa atau etno-linguistik bahasa Melayu, iaitu bahasa orang Melayu, bukan bahasa orang Cina, India, Inggeris dan

lain-lain lagi.

"Jadi istilah Melayu tidak dapat dipisahkan atau dihapuskan daripada istilah bahasa Melayu," katanya.

Pakar bahasa, Prof Emeritus Dr Nik Safiah Abdul Karim, pula berkata istilah bahasa Melayu sebenarnya sudah diterima masyarakat majmuk yang merujuk Bahasa Kebangsaan.

"Saya sedih dengan keputusan Kabinet. Kita selalu tukar fikiran, apa salahnya kekal dengan istilah bahasa

Melayu.

"Saya harap Kabinet kaji semula perkara ini kerana sudah jelas dalam Perlembagaan yang merujuk Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa Melayu," katanya.

Dr Nik Safiah berkata, bahasa Melayu sekarang bukan lagi merujuk orang Melayu tetapi umum mengetahuinya sebagai Bahasa Kebangsaan yang menjadi pertuturan harian rakyat.